

# Abdullah rasmi projek Lebuh Raya Persisiran Pantai

JOHOR BAHRU 4 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan majlis pecah tanah projek Lebuh Raya Pesisiran Pantai yang menghubungkan Johor Bahru-Teluk Danga-Nusajaya di Teluk Danga di sini.

Lebuh raya separijang 30.6 kilometer itu bernilai RM1.1 bilion dan dijangka mengambil masa 36 bulan untuk disiapkan.

Apabila siap kelak, ia akan menghubungkan pusat bandar ke Teluk Danga dengan laluan sepanjang lapan kilometer diikuti laluan dari Teluk Danga ke Nusajaya dan LinKedua sepanjang 19 kilometer serta laluan dari persimpangan bertingkat Angsana ke Teluk Danga sepanjang 3.6 kilometer.

Pemangku Pengarah Unit Perancang

Ekonomi Johor (UPEN), Datuk Mohd. Alwee A. Rashid berkata, tarikh bagi kerja-kerja pembinaan lebuh raya itu akan diumumkan tidak lama lagi.

"Lebuh raya itu akan dilengkapi enam lorong dan jajaran. Laluan sebenar lebuh raya berkenaan masih dalam perbincangan.

"Lebuh raya tersebut akan menjadi alternatif kepada laluan sedia ada. Apabila siap nanti ia dijangka dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang sering berlaku di bandar raya Johor Bahru.

"Pembinaan lebuh raya itu akan diuruskan oleh South Johor Development Sdn Bhd, sebuah syarikat baru yang akan ditubuhkan bagi projek pembinaan lebuh raya berkenaan," katanya.

Mohd. Alwee berkata demikian ketika

ditemui pada majlis pecah tanah pembinaan lebuh raya berkenaan di Teluk Danga di sini hari ini.

Jelasnya, lebuh raya tersebut akan bersambung dengan Lingkaran Timur-Barat Johor Bahru dan Lingkaran. Penyuraian Trafik Timur.

Antara laluan utama skim penyuraian trafik yang dicadangkan ialah laluan Kebun Teh, Kampung Melayu Danga dan Jalan Skudai/Teluk Danga.

Laluan lain ialah Jalan Yahya, Jalan Abu Bakar, Jalan Kebun Teh, Jalan Kuning, Jalan Datuk Sulaiman, Jalan Bakar Batu/Tebrau dan Jalan Kampung Melayu.

Tambah Mohd. Alwee, skim penyuraian trafik tersebut melibatkan pembinaan tujuh buah jambatan dan kerja-kerja menaiktaraf tiga buah persimpangan.